

20 Mei 2021
HOLDING STATEMENT

PENUTUPAN SEMENTARA PUSPAKOM PADANG JAWA BERIKUTAN PENULARAN JANGKITAN COVID-19

Shah Alam, 20 Mei 2021 - Seorang kakitangan PUSPAKOM Padang Jawa telah disahkan positif COVID-19 dan proses pengesanan kontak juga sedang dijalankan. Semua kakitangan cawangan juga akan menjalani ujian saringan Covid-19, sementara mereka yang berhubung secara langsung dengan kakitangan tersebut telah diarahkan untuk menjalani kuarantin selama 14 hari.

PUSPAKOM telah mengambil langkah menutup cawangan PUSPAKOM Padang Jawa di Selangor serta merta dan tiada operasi mulai 1 petang, 20 Mei 2021, Khamis bagi melakukan proses sanitasi dan pembersihan secara menyeluruh.

Pembukaan semula PUSPAKOM Padang Jawa akan dimaklumkan kelak. Bagi pelanggan yang mempunyai temujanji di PUSPAKOM Padang Jawa, semua bayaran temujanji pemeriksaan yang telah dibuat akan dipulangkan secara automatik.

Sebagai alternatif, pelanggan yang telah membuat temujanji di PUSPAKOM Padang Jawa boleh menjalani pemeriksaan secara walk-in dengan pembayaran perlu dilakukan di cawangan seperti berikut. Pelanggan perlu membawa slip pengesahan temujanji PUSPAKOM Padang Jawa semasa hadir ke cawangan alternatif.

Kategori Kenderaan	Cawangan Alternatif
Kenderaan Persendirian	PUSPAKOM Glenmarie PUSPAKOM Petaling Jaya PUSPAKOM Bangi
Kenderaan Perdagangan Ringan (BDM ≤ 5,999 kg) dan E-Hailing	PUSPAKOM Banting PUSPAKOM Cheras PUSPAKOM Taman Bukit Maluri

PUSPAKOM akan sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menghadapi gejala ini. Sebarang maklumat terkini akan dimaklumkan kepada pelanggan dari semasa ke semasa melalui Facebook rasmi PUSPAKOM.

MENGENAI PUSPAKOM

***Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM)** merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.*

Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.

Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar Bandar.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.



Ahli Kumpulan



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Leong Pei Yee

Ketua, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7465

Elly

Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7322

Mohd Izzat Intanjudin

Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7464